

15 DEC 2000

Mahathir-Pelajar

MAHATHIR: NILAI MORAL PENTING SELAIN KUALITI PENDIDIKAN

SERDANG, 15 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kualiti pendidikan pelajar sahaja tidak mencukupi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju tetapi nilai moral di kalangan graduan juga penting.

Perdana Menteri berkata beliau ingin mengingatkan pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini bahawa tiada gunanya mereka memperolehi pendidikan berkualiti jika ilmu yang diperolehi disalahguna dan mendatangkan keburukan kepada masyarakat dan negara.

Dr Mahathir berkata selepas 43 tahun pesat membangun dan menjadi negara termaju di kalangan negara membangun, Malaysia sudah sampai ke satu peringkat bersedia untuk "take-off" untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

"Sama ada kita dapat 'take off' atau tidak bergantung kepada kualiti, bukan sahaja kualiti ilmu tetapi juga peribadi. Perlu bangunkan nilai moral yang sesuai dengan masyarakat dan negara," katanya pada majlis penyampaian sijil MS ISO 9001 Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

Beliau berkata di atas bahu pelajarlah letaknya tanggungjawab untuk meneruskan kemajuan dan mewarisi negara dan oleh itu mereka perlu meningkatkan kebolehan diri seiring dengan kemajuan negara.

Dr Mahathir juga berkata, negara memerlukan rakyat yang terpelajar dalam segala bidang kerana tanpa penguasaan dalam pelbagai bidang, mustahil negara dapat dibangunkan.

Katanya, negara memerlukan pelajar yang menguasai bidang teknikal seperti kejuruteraan dan teknologi maklumat dan berharap rakyat memahami kehendak semasa ini.

"Tetapi saya khuatir dengan pilihan yang dibuat oleh pelajar dan ibu bapa mereka. Mungkin mereka ambil bidang yang tak berguna dan tak kena dengan pembangunan negara, justeru itu negara tidak akan mempunyai ramai anak-anak yang berkebolehan tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh mencapai taraf negara maju jika rakyatnya sanggup bekerja keras dan sedia meningkatkan kualiti dalam segala aspek.

Beliau berharap pencapaian sijil MS ISO 9001 oleh fakulti itu akan menjadi perangsang kepada fakulti dan universiti lain di negara ini untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di dunia.

Dr Mahathir juga berkata, negara memerlukan rakyat yang terpelajar dalam segala bidang kerana tanpa penguasaan dalam pelbagai bidang, mustahil negara dapat dibangunkan.

Katanya, negara memerlukan pelajar yang menguasai bidang teknikal seperti kejuruteraan dan teknologi maklumat dan berharap rakyat memahami kehendak semasa ini.

"Tetapi saya khuatir dengan pilihan yang dibuat oleh pelajar dan ibu bapa mereka. Mungkin mereka ambil bidang yang tak berguna dan tak kena dengan pembangunan negara, justeru itu negara tidak akan mempunyai ramai anak-anak yang berkebolehan tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata tidak ada sebab mengapa Malaysia tidak boleh mencapai taraf negara maju jika rakyatnya sanggup bekerja keras dan sedia meningkatkan kualiti dalam segala aspek.

Beliau berharap pencapaian sijil MS ISO 9001 oleh fakulti itu akan menjadi perangsang kepada fakulti dan universiti lain di negara ini untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di dunia.

Katanya, kejayaan Fakulti Veterinar itu mungkin yang pertama di rantau ini dan berharap UPM akan menjadi universiti pertama di negara ini untuk memperolehi persijilan tersebut.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai beberapa universiti awam dan swasta yang berkemampuan tinggi dan memang menjadi hasrat kerajaan supaya para pelajar luar negeri akan datang menuntut di sini.

"Kini ramai pelajar asing yang belajar di sini (Malaysia), bukan sahaja kerana kosnya yang rendah tetapi juga kerana kualiti dan sistem pendidikan yang disediakan," katanya.

Beliau berkata terdapat cadangan semasa mesyuarat ASEM (Asia-Eropah) di Seoul pada Oktober lepas supaya negara-negara Eropah menghantar pelajar mereka ke rantau ini, terutamanya Malaysia agar mereka dapat mengenali dengan dekat budaya orang Asia dan merapatkan hubungan kedua-dua benua.

Katanya, beliau yakin Malaysia akan menjadi pilihan pelajar-pelajar Eropah bukan semata-mata kerana desakan tetapi kerana kualiti pendidikan di negara ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Aziz Samsuddin dan Naib Canselor UPM Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

-- BERNAMA

AR ES NMO